

07 JAN 2004

Najib-Reaksi

PELANTIKAN NAJIB SEBAGAI TPM DISAMBUT GEMBIRA

KUALA LUMPUR, Jan 7 (Bernama) -- Pelantikan Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang baru disambut penuh kegembiraan oleh pelbagai lapisan rakyat, yang turut mendoakan agar beliau terus maju jaya dalam tugas barunya itu.

"Saya gembira dengan Najib," kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, seperti yang dipetik Bernama daripada seorang pembantunya.

Pelantikan Najib yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tengah hari ini menamatkan spekulasi siapa yang menjadi pilihannya untuk menyandang jawatan kedua tertinggi negara itu, selepas beliau mengambil alih teraju kepimpinan daripada Dr Mahathir pada 31 Oktober lepas.

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Muhd Taib yakin Najib mampu menjalankan tugasnya dengan cemerlang sebagai orang nombor dua negara berdasarkan pengalamannya yang luas pada peringkat negeri dan negara serta pernah bertugas di pelbagai kementerian.

"Saya mengalu-alukan pelantikan Datuk Seri Najib selaku Timbalan Perdana Menteri dan memang elok dibuat pengumuman ini supaya kita dapat menghadapi pilihan raya dengan satu pasukan yang mantap dan kuat," katanya kepada Bernama.

Sementara itu, pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) turut menyambut baik pelantikan Najib dan menyifatkannya pilihan yang tepat dalam menghadapi pilihan raya umum.

Presiden MIC Datuk Seri S Samy Vellu berkata, beliau penuh yakin pelantikan itu akan mewujudkan gandingan mantap yang diperlukan oleh Abdullah dalam meneruskan agenda pembangunan negara dan memimpin BN ke arah kemenangan besar pada pilihan raya umum akan datang.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya berkata, Najib merupakan pemimpin yang berwibawa, berkaliber, mesra rakyat dan mempunyai pengalaman yang luas dalam pentadbiran negara.

"Najib telah menceburi politik dalam usia yang begitu muda dan telah menunjukkan kematangan politik serta sifat keterbukaan," katanya

kepada pemberita di kementeriannya.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata, pelantikan Najib mampu mengukuhkan lagi UMNO sebagai komponen utama dalam BN memandangkan Najib mempunyai penyokong yang kuat di peringkat akar umbi.

Dr Lim, yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata, Najib yang dibesarkan dalam suasana politik dan terbabit langsung dalam politik sejak

27 tahun lalu mampu membantu Abdullah menerajui negara.

Katanya, Gerakan sebagai parti komponen dalam BN menyokong penuh perlantikan itu dan berikrar memberi kerjasama rapat kepada pucuk pimpinan negara.

"Saya rasa, dia adalah yang terbaik untuk negara. Saya secara peribadi menyaksikan beliau dalam politik dan beliau sudah cukup matang untuk menjunjung status tertinggi sebagai Timbalan Perdana Menteri," katanya kepada pemberita di kementeriannya.

Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting berkata, dengan pengalaman luas, gandingan Najib dan Abdullah akan membolehkan kerajaan mempunyai satu pasukan yang kukuh, lengkap dan kuat.

"Dengan kepimpinan Perdana Menteri dibantu oleh timbalannya yang baru, Malaysia tetap akan maju ke arah yang lebih cerah dengan tahap kemajuan yang sangat baik," katanya kepada Bernama.

Ong yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata, pelantikan Najib kena pada masanya bagi membantu Abdullah melaksanakan dasar dan program yang telah dirancang.

"Kita mempunyai Perdana Menteri yang begitu dihormati dan rakyat menaruh keyakinan kepada pemerintahannya dan sekarang dengan pelantikan timbalannya, saya rasa kerajaan akan mendapat sokongan padu dan menyeluruh dari semua lapisan masyarakat," katanya.

Beliau berharap pelantikan Najib akan terus membawa BN ke tahap yang lebih cemerlang.

"Bahkan dalam BN ia akan dapat memperkuatkan lagi semangat anggota BN dan mudah-mudahan dapat membawa negara kita ke tahap yang lebih cemerlang," katanya.

Timbalan Presiden MCA Datuk Seri Chan Kong Choy menyifatkan pelantikan Najib kena pada tempatnya memandangkan Najib seorang yang

berpengalaman  
luas terutama dalam politik.

"Beliau berpengalaman, jadi kita yakin dengan keputusan PM melantiknya sebagai regu bagi memimpin kerajaan," kata Chan yang juga Menteri Pengangkutan selepas mempengerusikan mesyuarat pasca kabinet kementeriannya di Putra Jaya.

Sebuah lagi parti komponen BN -- Parti Progresif Rakyat (PPP) juga menyokong pelantikan yang ditunggu-tunggu itu, sambil berikrar akan memberi kerjasama kepada Abdullah dan Najib.

Presidennya Datuk M. Kayveas berkata, keputusan Perdana Menteri melantik Najib adalah satu langkah tepat.

"Kami parti-parti komponen BN akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada kedua-dua pemimpin tertinggi itu bagi memastikan kemenangan besar bagi BN pada pilihan raya umum akan datang," katanya.

Katanya, PPP juga berharap Najib akan bekerja rapat dengan semua parti komponen BN bagi menjayakan wawasan "Bangsa Malaysia".

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein pula berkata, dengan pelantikan Najib bermakna satu pasukan yang mantap telah disediakan untuk menghadapi pilihan raya umum.

"Saya selaku Ketua Pemuda Umno dan Ketua Pemuda Barisan Nasional mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Najib atas pelantikan beliau.

"Hak untuk memilih Timbalan Perdana Menteri berada dalam tangan Perdana Menteri dan kita sentiasa akur dengan keputusan yang dibuat.

"Apa yang penting adalah kita memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Perdana Menteri serta timbalannya dan sekarang satu pasukan telah siap untuk menghadapi pilihan raya umum," katanya.

Di KUCHING, Presiden Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) Tan Sri Dr George Chan berkata, Najib merupakan calon yang sesuai untuk jawatan tersebut kerana beliau mempunyai kredibiliti yang kuat, berpengalaman dan akan dapat menstabilkan UMNO, BN dan negara.

"Kita memberi jaminan bahawa SUPP akan terus memberi sokongan kepada pucuk pimpinan negara di bawah Abdullah dan Najib," katanya.

Presiden Parti Progresif Demokratik Sarawak (SPDP) Datuk William Mawan Ikom juga memberi jaminan bahawa partinya akan memberi sokongan penuh kepada Perdana Menteri dan timbalannya.

Sementara itu, bekas ketua Penerangan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Datuk Seri Dr James Jemut Masing berharap Najib tidak akan lupa untuk memberikan perhatian kepada pembangunan di Sarawak.

"Pelantikan Najib akan mempercepatkan lagi pembangunan negara dan akan memberikan kesan yang positif kepada BN pada pilihan raya akan datang," katanya.

Di KOTA KINABALU, Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Datuk Joseph Pairin Kitingan berkata, pelantikan Najib adalah "satu khabar baik yang sudah lama dinanti-nantikan oleh rakyat negara ini".

"Kita berterima kasih atas pengisian kekosongan jawatan ini demi untuk membantu Perdana Menteri dalam menjalankan tugasnya untuk negara dan rakyat.

"Kita dalam PBS percaya kedua-dua pemimpin serba mengetahui keperluan rakyat di Sabah dan Sarawak," katanya.

Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP) Datuk Chong Kah Kiat berkata, beliau mengenali Najib sejak beliau (Najib) menjadi Menteri Besar Pahang lagi.

"Saya mengenalinya sebagai seorang pemimpin yang mantap, amat tenang dan amat matang," kata Chong yang juga Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar negeri.

Chong berkata kematangan dan pengalaman luas Najib di dalam bidang politik dan kerajaan akan banyak membantu Abdullah untuk membawa Malaysia ke mercu kejayaan yang lebih tinggi lagi.

Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) Tan Sri Joseph Kurup berkata, pelantikan Najib sebagai "tangan kanan" Abdullah amat bersesuaian dalam usaha membawa negara Malaysia ke tahap yang lebih dihormati di mata dunia.

Menurut Kurup, memandangkan kerjaya politik Najib bermula ketika beliau berusia 22 tahun lagi, "sudah tentulah pengalaman itu satu kelebihan yang ada padanya untuk mentadbir negara bukan sahaja dalam menangani isu-isu tempatan tetapi juga antarabangsa".

Sementara itu, Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee

juga menyambut baik pelantikan Najib yang dianggapnya sebagai satu aset

kepada Perdana Menteri kerana pengalamannya yang begitu luas.

Pelantikannya juga akan memperkuat lagi BN kerana sikap terbukanya serta gaya kepimpinan yang progresif.

Di KOTA KINABALU, Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman berkata

kerajaan negeri dan BN Sabah yakin bahawa Najib boleh membantu dengan

berkesan Perdana Menteri dalam menjalankan tanggungjawabnya kepada rakyat

dan negara.

Beliau berkata, kerajaan negeri dan BN Sabah juga menjanjikan sokongan

penuh dan kerjasama kepada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan

usaha pengurusan ekonomi, keselamatan negara dan menegakkan kedaulatan

negara.

Pengalaman luas Najib dalam politik negara dan tempoh perkhidmatan

beliau yang begitu lama dalam Umno melayakkan beliau bagi jawatan Timbalan

Perdana Menteri, kata Musa, dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini.

Musa berada di luar negara.

"Saya yakin dengan pelantikan ini, Najib akan dapat menyumbangkan

dengan lebih berkesan kepada pembangunan Malaysia amnya dan Sabah khususnya.

Musa, yang juga pengerusi perhubungan Umno Sabah, berkata Umno negeri

yakin di bawah kepimpinan Abdullah yang dibantu oleh Najib, Umno akan

meningkat dalam kekuatannya dan membawa Malaysia ke peringkat lebih tinggi.

-- BERNAMA

NT MFJ PR

07/01/2004 20-17ST